

# Mesej keamanan UTHM tembusi lima kampung

BATU PAHAT 27 Mac - Seramai 500 penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai program Mahasiswa Bersama Masyarakat bertujuan merapatkan hubungan antara warga kampus dan penduduk setempat di Parit Raja, di sini baru-baru ini.

Aktiviti yang merupakan sebahagian daripada program Aman Kampus itu diadakan di lima kampung iaitu Kampung Sekolah Jalan Arab, Kampung Parit Raja Darat, Kampung Parit Raja Tengah, Kam-

pung Parit Baru dan Kampung Parit Daun.

Pengarah Aman Kampusnya, Mohd. Hafiz Ariffin berkata, antara aktiviti yang dijalankan adalah gotong-royong membersihkan kampung, mengecat dan membaik pulih surau serta sumbangan makanan kepada pihak yang memerlukan.

Menurutnya, Aman Kampus bertujuan membawa mesej keamanan dan memupuk nilai-nilai positif dalam kalangan penuntut menerusi pengisian program yang dapat me-

rapatkan hubungan dan mendidik mereka supaya lebih mencintai keamanan.

"Kami amat berbesar hati kerana kesemua aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa dan penduduk kampung terlibat.

"Mereka menyambut baik program yang berbentuk kemasyarakatan seperti ini dan berharap dapat diteruskan lagi dari semasa ke semasa," katanya di sini.

Mohd. Hafiz berkata, aktiviti lain

yang turut dijalankan termasuk Ikon Siswa, Cergas Siswa, Karnival Buku dan Bicara Ilmu.

Mengenai Ikon Siswa, beliau memberitahu, aktiviti itu merupakan sebahagian usaha penuntut UTHM mendekati pelajar menerusi pendedahan kehidupan di universiti, sekali gus memupuk semangat mereka untuk menuntut ilmu sehingga ke menara gading.

"Cergas Siswa pula memberi peluang dan ruang kepada masyarakat, khususnya golongan belia

dan warga kampus mengamalkan gaya hidup sihat menerusi aktiviti seperti senamrobik, sukan rakyat, bola sepak dan bola jaring," katanya.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd. Kassim berkata, pendekatan berkonsepkan rasional, toleransi dan realistik dalam Aman Kampus merupakan platform terbaik untuk menyebarkan budaya mencintai keamanan.